

5831

UNIVERSITI

KUALA LUMPUR, 4 JULAI (BERNAMA)—UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TELAH MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA BAGI PERLANTIKAN NAIB-CANSELOR UNIVERSITI TERSEBUT.

ANGGUTA JAWATANKUASA ITU TERDIRI DARI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, SELAKU Pengerusi dan dua orang mewakili Majlis Universiti iaitu Datuk Abdullah bin Haji Mohamed Salleh dan Dr. Agoes Salim, sementara dua lagi mewakili Senat iaitu Dr. Amir bin Abbas dan Dr. Mohamed Zawawi bin Ismail.

Satu kenyataan universiti itu berkata hari ini, jawatankuasa itu akan menasihatkan Majlis Universiti mengenai lantikan Naib-Canselor.

Aturan itu selaras dengan perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. — BERNAMA HM 1637